

Jangan perlekeh kerjaya tukar sampah jadi wang

Ramai tidak menyedari industri kitar semula beri pulangan lumayan

Laporan Khas

**Ratinawati
Rasidi**

ratinawati@bharian.com.my



MENGUTIP bahan terbang untuk proses kitar semula bukan kerja idaman ramai orang, apatah lagi jika terpaksa menyelongkar tempat buangan sampah untuk mendapatkannya.

Pekerjaan itu sering dipandang rendah masyarakat, tetapi jangan terkejut kerana barang terbang selepas dikitar semula mampu menjadikan seseorang kaya-raya, malah ada yang bergelar jutawan hasil perniagaan kitar semula.

Industri kitar semula pernah mencatatkan sejarah pada 2007, apabila wanita di China, Zhang Yin dikenali sebagai wanita paling kaya di China dalam industri kitar semula kertas. Beliau wanita pertama terkaya dengan aset peribadi RM11.71 bilion.

Di Malaysia kesedaran penduduk mengenai keperluan kitar semula amat tinggi terutama barang terpakai seperti pakaian, bekas minuman, beg plastik, botol plastik, tin aluminium, makanan dan barang elektronik. Kebanyakan barang ini menjadi perhatian sesetengah orang yang mengumpulnya untuk dijual kepada pengusaha kitar semula.



Industri besi buruk adalah satu industri antarabangsa. Kebangkitan China sebagai kuasa baru ekonomi merancakkan lagi industri ini dan syarikat kami sudah lama dalam bidang ini

S Soma Sundram
Pengurus Import dan Eksport SPM Asia



PEKERJA SPM Asia sedang mengitar semula tin aluminium.

perniagaan antara negara.

Pengurus Import dan Eksport SPM Asia Sdn Bhd, S Soma Sundram, berkata besi buruk antara bahan yang mendapat permintaan paling tinggi di seluruh dunia.

“Malaysia mengeksport dan mengimport besi buruk untuk pasaran luar negara antaranya negara kuasa besar ekonomi baru, China. Men-

Jepun, Korea, Itali, Indonesia, China dan Belanda.

“Industri besi buruk adalah industri antarabangsa. Kebangkitan China sebagai kuasa baru ekonomi dunia merancakkan lagi industri ini dan kami sudah lama berkecimpung dalam bidang ini,” katanya.

Kitar semula besi buruk menjimatkan kos pengeluaran. Tambahan

Sejak zaman Plato sekitar 400 tahun Sebelum Masihi industri ini telah wujud. Malah seawal 1813, Benjamin Law memulakan proses menukar perca kain menjadi benang *shoddy* dan *mungo wool* di Batley, Yorkshire.

Di sepanjang Jalan Sungai Besi, kita boleh lihat banyak deretan kedai yang menjadi pusat jual beli bara-

ngan yang boleh dikitar semula.

Sesuatu yang amat mengejutkan apabila mengetahui industri kitar semula di negara ini pernah mencecah RM1 bilion. Kebanyakan industri ini mengitar semula besi bu-ruk dan lebih mengagumkan ia bu-kan sekadar industri picisan tetapi

jelang tahun kebangkitannya, China mula memberi tumpuan kepada pembangunan negara dan ternyata mereka memerlukan banyak besi bu-ruk untuk di kitar semula bagi pel-bagai kegunaan," katanya.

Beliau berkata, negara lain yang menjadi destinasi eksport syarikat-nya ialah Nepal, India, Sri Lanka,

pula besi yang dieksport adalah ter-pilih yang sesuai untuk tujuan itu. Antara besi yang menjadi tumpuan adalah tembaga, aluminium, alat ganti elektronik, kabel aluminium, peralatan elektronik, tin aluminium malah wayar telefon juga boleh di-kitar semula.

Tidak ada satu pun peralatan atau

Kitar semula belum jadi budaya masya

WALAU PUN kesedaran besar masyarakat di negara ini terhadap pentingnya proses kitar se-mula amat tinggi, semangat untuk menjadikannya budaya dalam kehi-dupan masih rendah.

Berdasarkan kajian Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pem-bersihan Awam, lebih 80 peratus rak-yat Malaysia sedar kepentingan kitar semula tetapi hanya 60 peratus meng-amalkannya.

Ketua Penolong Pengarah Baha-gian Kitar Semula dan Kesedaran Awam, Azman Omar, berkata kajian dijalankan perbadanan itu memba-bitkan responden berumur antara 17 hingga 70 tahun mendapati, mereka sedar perlu mengitar semula bara-ngan terbuang tetapi tidak menja-

dikan ia sebagai budaya.

"Rakyat Malaysia apabila hendak memulakan satu perkara akan mem-persoalkan kemudahan kerana tan-panya mereka tidak dapat berdikari. Kita terlalu dimanjakan dengan sub-sidi. Rakyat kita tidak seperti pen-duduk Jepun, Vietnam, Korea atau

Indonesia yang tetap berusaha men-jayakan sesuatu pekerjaan walaupun tanpa bantuan kerajaan.

"Lebih menyedihkan, apabila ke-mudahan disediakan tidak diman-faatkan. Kerajaan sudah membelan-jakan banyak wang menyediakan se juta tong kitar semula tetapi keba-nyakannya disalahgunakan. Kalau di sekolah ia menjadi tempat simpan barang mahupun dibuang bahan bu-kan untuk dikitar semula.

"Di pusat beli-belah diletakkan di tempat terpencil. Ini tidak memban-tu pengguna mengamalkan budaya itu," katanya yang agak kecewa de-ngan sikap masyarakat.

Sebagai agensi kerajaan, Azman mengalu-alukan pengusaha industri kitar semula memberi kerjasama ke-


FAKTA NOMBOR

60
peratus

Penduduk Malaysia mengamalkan budaya kitar semula



Azman Omar



komponen peralatan elektronik apatah lagi kenderaan yang seharusnya dibuang kerana semuanya boleh dimanfaatkan.

Soma berkata, syarikat mereka juga mengimport besi buruk dari Australia, Canada, Eropah, Thailand dan Singapura. SPM Asia mempunyai rakan perniagaan di lebih 100 negara. Ini menjadikan syarikat berkenaan antara yang kukuh kedudukannya.

“Besi buruk yang kami import memenuhi permintaan terutama industri perkapalan,” katanya.

Nilai timbangan besi dibuat berdasarkan pasaran antarabangsa. Setiap besi buruk ditimbang dan dikelaskan mengikut jenis. Harga se-

kilogram besi ditetap berdasarkan kadar London Metal Exchange - LME (Pertukaran Besi London). Harga setiap hari berbeza dan ditentukan harga semasa LME, penawaran mahupun permintaan daripada pembekal atau pembeli.

Industri kitar semula besi buruk turut terancam oleh keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil. Keuntungan perniagaan itu berkurangan 30 peratus akibat kemelesetan ekonomi dunia yang tempiasnya turut dirasakan Malaysia.

Namun, industri ini dipercayai masih mampu bertahan memandangkan permintaan terhadap besi buruk masih tinggi dan ia diperlukan di seluruh dunia.

rakat Malaysia

pada perbadanan itu untuk berkongsi maklumat atau data perkembangan terkini industri kitar semula.

“Industri kitar semula terutama kilang plastik tidak mahu membekalkan maklumat,” katanya.

Azman berkata, setakat ini pihaknya hanya dapat mengumpul data domestik iaitu sisa buangan yang diperoleh dari kawasan kediaman tetapi kurang data daripada kilang.

“Statistik kami pada tahun lalu mencatat hanya 11 peratus kitar semula di seluruh negara sedangkan saya percaya kita mampu mencapai 40 peratus iaitu setanding Jepun, Korea dan Denmark.

“Industri ini juga banyak melahirkan jutawan senyap dan kebanyakan perkara ini tidak didedahkan.

Sedangkan saya mendapat maklumat balas daripada pengumpul sampah yang memperoleh pendapatan sehingga RM100 sehari,” katanya.

Beliau berhasrat menjayakan program bersama Kementerian Pelajaran untuk menghidupkan semula budaya kitar semula di sekolah. Sebelum ini kitar semula hanya diamalkan di sekolah rendah.

“Program ini dilaksanakan enam bulan dan hasilnya kami berjaya mengumpul RM40,000. Ini hanya sekolah di Selangor dan bayangkan jika ia dilaksanakan di seluruh negara,” katanya.

Azman rakyat Malaysia menghidupkan semangat kitar semula dan menjadikan ia budaya demi masa depan generasi akan datang.



BAHAN terbuang yang dikitar semula SPM Asia untuk eksport.